

MAHATHIR-HINA

1978

KUALA LUMPUR, 5 DIS. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGINGATKAN PARA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL BAHAWA TIDAKLAH HINA BAGI MEREKA BELAJAR MENIAGA CARA PRAKTIKAL.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA DI UPACARA PEMBUKAAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERWAKILAN KEDUA GABUNGAN PERSATUAN-PERSRSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA-PENIAGA KECIL MELAYU DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI.

UCAPANNYA ITU DIBACA OLEH SETAIUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PERDAGANGAN, ENCIK ABU HASSAN HAJI OMAR.

+TIDAK SEMUA DARI KITA DILAHIRKAN DENGAN KECEKAPAN BERNIAGA SEMULAJADI, KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SEBAGAI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL, ORANG-ORANG MELAYU AKAN DAPAT MEMPELAJARI SEGALA SELOK BELOK PERNIAGAAN SEBELUM MEREKA MEMASUKI PERNIAGAAN BESAR

PELAJARAN INI AMAT PENTING MEMANDANGKAN RAMAI PENIAGA BUMIPUTRA YANG TELAH GAGAL KERANA CUBA LARI SEBELUM BOLEH BERJALAN, + KATANYA. — BERSAMBUNG 1845/AZ

MAHATHIR-HINA 2 KUALA LUMPUR

DATU SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN MENERANGKAN KERAJAAN MEMANG SEDAR TENTANG PENTINGNYA PENIAGA-PENIAGA KECIL DAN UNTUK ITU PERUNTUKAN SEBANYAK \$30 JUTA DIBUAT DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

PERUNTUKAN INI IALAH UNTUK MEMBERI KEMUDAHAN DAN BANTUAN KEPADA PENIAGA-PENIAGA KECIL DAN UNTUK MEMBIAYAI GOLONGAN MISKIN DAN BELIA YANG BERMINAT DI LAPANGAN PERNIAGAAN, KATANYA. BERSAMBUNG 1847/AZ

££

N614:

MAHATHIR-HINA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DI BAWAH RANCANGAN ITU KERAJAAN MENGENAKAN KADAR BAYARAN YANG PALING MINIMA SUPAYA TIDAK MEM-BEBANKAN PENIAGA-PENIAGA KECIL.

PEMBAYARAN INI DIKENAKAN BUKAN KERANA INGIN MENDAPAT BALIK WANG PERUNTUKAN TETAPI UNTUK MENANAM SEMANGAT PERNIAGAAN YANG SIHAT, KATANYA.

DI BAWAH RANCANGAN INI JUGA KERAJAAN MEMBERI PINJAMAN TANPA FAEDAH KEPADA PENJAJA KECIL UNTUK MEMBELI KERETA SORONG DAN MOTORSIKAL BAGI TUJUAN BERNIAGA.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU SEHINGGA BULAN JUN TAHUN LALU, SEBANYAK 1,742 GERAI-GERAI DAN 30 TAPAK PERNIAGAAN TELAH SIAP DIBINA DAN SEJUMLAH 162 KERETA-KERETA SORONG TELAH DIBAHAGIKAN KEPADA PENJAJA-PENJAJA KECIL.

DATUK SERI MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN SEDAR BAHAWA DASAR-DASAR BERSEBIT DENGAN PENYERTAAN BUMIPUTRA DALA LAPANGAN PERNIAGAAN DAN PERINDASTRIAN PERLU DIKAJI DARI MASA KE MASA BAGI MEMPASTIKAN DASAR-DASAR INI TIDAK MENGHALANG KEMAJUAN PERUSAHAAN BUMIPUTRA. — BERSAMBUNG 1850/AZ

EE

B615:

MAHATHIR-HINA 4 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYERU PARA PENIAGA YANG TELAH LAMA BERKECIMPUNG DALAM LAPANGAN INI DAN TELAH MATANG SUPAYA MEMBERI BIMBINGAN KEPADA PENIAG-PENIAGA YANG BARU.

BELIAU JUGA MENYERU PERSATUAN-PERSATUAN PENIAGA SUPAYA MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH AKTIF SUPAYA PERSATUAN-PERSATUAN INI BOLEH MENJADI PUSAT TUMPUAN KEPADA PENIAGA-PENIAGA YANG MENGHADAPI MASALAH.

DATUK SERI MAHATHIR MENGINGATKAN PERSATUAN PERSATUAN YANG BERKENAAN SUPAYA JANGAN MENGHADKAN BANTUAN MEREKA KEPADA AHLI YANG SEDIA ADA.

MASALAH YANG AMAT PENTING YANG DI HADAPI OLEH 25,000 ORANG PENIAGA-PENIAGA KECIL YANG ADA SEKARANG, IALAH TENTANG SUMBER BEKALAN BARANG, TEMPAT PERNIAGAAN DAN AKHIRNYA MASALAH KREDIT.

DENGAN INI KEWANGAN BUKANLAH MASALAH YANG PALING BESAR YANG DIHADAPI OLEH PENIAGA-PENIAGA KECIL, TAMBAH BELIAU. —
BERSAMBUNG 1853/AZ

MAHATHIR-HINA 5 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PRESIDEN GABUNGAN PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL ENCIK AHMAD KHAIRATI IBRAHIM MENYATAKAN PERASAAN KESALNYA KERANA KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBERI BIMBINGAN DAN TUNJUK AJAR MENERUSI PEGAWAI-PEGAWAI YANG TELAH CUKUP DILATIH DALAM KONTEKS SAIKOLOJI PENIAGA DAN PENJAJA.

SEBAHAGIAN DARI PEGAWAI-PEGAWAI BERKENAAN TIDAK MEMAHAMI KEHENDAK DAN HASRAT PENJAJA YANG MENGHARAPKAN BIMBINGAN.

PERTENTENGAN, PENINDASAN DAN MENYALAHGUNA KUASA SERING BERLAKU DIANTARA PENJAJA DAN PEGAWAI, KATANYA.

ENCIK ABU HASSAN HAJI OMAR BERKATA PERHATIAN BERAT AKAN DIBERIKAN KEPADA MASALAH-MASALAH YANG DITIMBULKAN DAN PERTEMUAN KHAS AKAN DIADAKAN ANTARA AHLI-AHLI PENIAGA DAN PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN PERDAGANGAN.

MESYUARAT TERSEBUT DIHADIRI OLEH WAKIL PERSATUAN PENJAJA DAN PERNIAGA DARI SELURUH NEGARA. — BERNAMA 1855/AZ